



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE UNTUK MAKLUMAN :

**Y.B. MENTERI
Y.B. TIMBALAN MENTERI
Y.BHG. KSU
Y.BHG. TKSU (PDN)
Y.BHG. TKSU (PPP)
SETIAUSAHA AKHBAR**

5 NOVEMBER 2022 (SABTU)



KERATAN AKHBAR DAN MEDIA ONLINE (KPDNHEP)

5 NOVEMBER 2022 (SABTU)



Rosol beramah mesra dengan peniaga ketika tinjauan mesra ReDI dan agihan e-dompot di Pasar Tani Kuala Ping, Kuala Berang, semalam.

(Foto Nazdy Harun/BH)

6,700 peniaga kecil, mikro daftar ReDI

Kuala Berang: Seramai 6,700 peniaga kecil dan mikro di seluruh negara setakat ini sudah mendaftar Program Inisiatif Pendigitalan Sektor Peruncitan (ReDI).

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguma, Datuk Rosol Wahid, berkata angka itu menunjukkan sambutan baik golongan peniaga kecil terhadap usaha kerajaan menggalakkan model perniagaan baharu secara digital yang lebih mudah, cepat dan selamat.

Berdasarkan perkembangan itu, beliau berkata, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguma (KPDNHEP) percaya mampu mencapai sasaran 15,000 pengguna sehingga akhir tahun ini.

"ReDI adalah inisiatif KPDNHEP untuk menggalakkan pemain industri sektor peruncitan supaya bersama-sama mengambil peluang berkongsi kek ekonomi digital yang disediakan kerajaan.

"Fokus utama adalah kawasan luar bandar iaitu di lokasi seperti pasar tani, pasar malam dan pasar komuniti yang jurang digitalnya sangat besar dengan kawasan bandar," katanya selepas melakukan tinjauan mesra ReDI dan agihan e-dompot kepada peniaga dan pengunjung Pasar Tani Kuala Ping di sini, semalam.

Yang turut hadir, Pengarah KPDNHEP Terengganu, Saharuddin Mohd Kia.

Pada program itu, KPDNHEP turut mengagihkan insentif e-dompot sebanyak RM20 kepada 300+ pengunjung terawal yang hadir di pasar berkenaan.

Sementara itu, Rosol berkata, sebanyak 639 sesi Program Jualan Murah Keluarga Malaysia (PJM-KM) dianjurkan di seluruh negara bermula Ogos hingga Oktober lalu, manakala jumlah jualan dicatatkan melebihi RM60 juta, termasuk RM15.8 juta di Terengganu.

BERNAMA

ReDI KPDNHEP memanfaatkan 6,700 peniaga kecil

KUALA BERANG - Seramai 6,700 peniaga kecil dan mikro di seluruh negara telah mendaftar di bawah Program Inisiatif Pendigitalan Sektor Peruncitan (ReDI) setakat ini.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Rosol Wahid berkata, angka itu menunjukkan sambutan baik golongan peniaga kecil terhadap usaha kerajaan dalam menggalakkan model perniaga-

an baharu secara digital yang lebih mudah, cepat dan selamat.

Rosol berkata, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) percaya mampu mencapai sasaran 15,000 pengguna sehingga akhir tahun ini.

"Fokus utama pada kawasan jurang digital besar seperti luar bandar," katanya selepas melakukan tinjauan mesra ReDI di sini pada Jumaat. - *Bernama*

KPDNHEP sasar 15,000 peniaga luar bandar beralih kepada transaksi tanpa tunai

6,700 peniaga guna urusan cashless

Oleh MOHD, AZLI ADLAN

HULU TERENGGANU – Usaha kerajaan untuk menggalakkan transaksi tanpa tunai di kawasan luar bandar semakin menampakkan hasil apabila seramai 6,700 peniaga menyertai Program Inisiatif Pendigitalan Sektor Peruncitan (Redi).

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP), Datuk Rosol Wahid berkata, penyertaan tersebut menghampiri sasaran 15,000 peniaga luar bandar menjelang akhir tahun ini.

"Kita menggalakkan transaksi tanpa tunai ditingkatkan dalam urusan jual beli di kawasan luar bandar menerusi penggunaan aplikasi e-Dompot.

"Ia memberi banyak kelebihan kepada kedua-dua pihak peniaga dan pengguna," katanya selepas melancarkan program Redi di Pasar Tani Kuala Ping di

sini semalam.

Seramai 30 peniaga pasar tani tersebut mendaftar dengan program Redi sekaligus mula menawarkan perkhidmatan transaksi tanpa tunai gerai jualan masing-masing.

Rosol berkata, pengguna luar bandar perlu didedahkan dengan penggunaan transaksi tanpa tunai yang lebih mudah, cepat dan selamat.

Tambah beliau, transaksi sama juga memudahkan golongan peniaga mengemas kini akaun perniagaan masing-masing.

"Ia memudahkan urusan mereka untuk mendapatkan pembiayaan bagi membesarkan perniagaan dengan pihak bank.

"Sebelum ini, ketiadaan akaun perniagaan yang tersusun dan kemas kini merupakan antara sebab utama permohonan pinjaman peniaga ditolak pihak bank," katanya.



ROSOL (kiri) beramah mesra dengan salah seorang peniaga yang menyertai program Redi di Pasar Tani Kuala Ping, Hulu Terengganu semalam.

Senarai Harga Barang Keperluan	
• Ayam	RM7.90
• Daging Lembu Tempatan	RM38
• Daging Lembu Import	RM50.90
• Telur Gred A	RM13
• Ikan Kembung	RM10.93
• Minyak Masak	RM6.70
• Gula Pasir	RM2.85
• Bawang Besar Holland	RM2.89
• Bawang Putih	RM4.99
• Cili Merah	RM10.99
• Kubis Bulat Tempatan	RM2.50
• Tepung Gandum	RM2.60

*Harga (RM/kg) Sumber: KPDNI-EP